

27/07/1999

Bekalan komputer tahun ini

SEMUA 90 Sekolah Bestari di seluruh negara dijangka menerima bekalan komputer sebelum hujung tahun ini, selepas Kementerian Pendidikan memeterai perjanjian dengan Konsortium Concept Request For Proposal (CRFP) Rabu ini.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Khalid Yunus, berkata perjanjian berkenaan yang sepatutnya ditandatangani awal tahun ini, kemudian ditunda kepada Mei lalu dan kini disahkan akan direalisasikan dalam tempoh dua hari lagi.

Beliau menangkis dakwaan Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang (DAP-Tanjung) yang menuduh matlamat kerajaan untuk mewujudkan Sekolah Bestari itu hanya angan-angan, apabila sekolah berkenaan sehingga kini masih belum menerima sebarang komputer yang dijanjikan.

Khalid menjelaskan apa yang berlaku membabitkan masalah teknikal sudah dibereskan dan semua sekolah terbabit akan menerima komputer berkenaan secepat mungkin.

"Semua Sekolah Bestari itu akan mempunyai makmal teknologi maklumat (IT) yang boleh menempatkan 30 komputer. Kita sedar sekolah berkenaan patut mula beroperasi dengan sempurna sejak awal tahun ini, tetapi wujud masalah teknikal.

"Tetapi masalah itu sudah selesai. Selepas ini kita berharap arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya mengadakan perubahan radikal terhadap sistem pendidikan kita di akar umbi akan dapat dilaksanakan dengan lancar," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) 1999 di peringkat kementeriannya di Dewan Rakyat semalam.

Melalui rang undang-undang itu, Kementerian Pendidikan memohon peruntukan tambahan RM43 juta.

Mengenai dakwaan Lim bahawa Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Teknologi Pendidikannya terpaksa mengeluarkan perbelanjaan RM53 juta untuk membangunkan perisian multimedia secara sementara berikutan penundaan perjanjian dengan CRFP itu, Khalid berkata sebarang ganti rugi akan dibincangkan antara kedua-dua pihak.

Justeru, beliau menolak tanggapan Lim bahawa kerajaan tidak bersikap realistik apabila mengumumkan akan membuat perubahan radikal terhadap sistem pendidikan negara dengan mengutamakan sistem IT.

Khalid menegaskan kerajaan benar-benar serius untuk melahirkan lebih ramai cendekiawan yang pakar IT kerana kerajaan bukan sekadar membina Sekolah Bestari bahkan sudah mewujudkan Universiti Multimedia (MMU) yang terletak di Cyberjaya.

"Kita juga tidak hadkan jumlah Sekolah Bestari pada masa akan datang. Kerajaan Barisan Nasional (BN) bila bercakap ia akan tunai, bukan seperti DAP dan Pas yang hanya pandai bercakap sahaja," sindirnya.

Beliau juga menyindir Hashim Jasin (Pas-Arau) yang sebelum itu bertanya sama ada kerajaan akan turut membekalkan komputer ke sekolah-sekolah agama rakyat.

"Bila kita hendak ambil alih (sekolah agama rakyat) dia tidak bagi, tetapi kini hendak komputer... macam mana ni hak dia hak dia, hak orang hak dia," katanya.

(END)